

NO SOALAN: 40

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN
KETIGA BELAS(2014)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR]

TARIKH : 24 MAC 2014 [ISNIN]

SOALAN:

Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- (a) bilangan orang bukan Islam yang memeluk agama Islam dalam tempoh 10 tahun lepas; dan
- (b) bilangan orang Muslim Melayu yang keluar dari Islam dalam tempoh 10 tahun yang lepas.

JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendaftaran masuk Islam adalah di bawah bidang kuasa Jabatan/Majlis Agama Islam Negeri (JAIN/MAIN) sebagaimana bidang kuasa yang termaktub

dalam Butiran 1, Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, **maklumat yang tepat bagi bilangan orang yang memeluk Islam hendaklah dirujuk kepada JAIN/MAIN masing-masing.**

Dalam konteks ini, bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, mengikut rekod Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), bilangan orang yang memeluk agama Islam bagi tempoh 2008–2012 adalah seramai 4,520 orang.

b) Setakat ini, **tidak ada penganut agama Islam termasuk saudara baru yang keluar Islam berdasarkan tiada permohonan untuk keluar Islam di Mahkamah Syariah**, kecuali permohonan menentukan status agama yang dipohon oleh individu berikutan kekeliruan yang terdapat dalam sijil kelahiran atau kad pengenalan atau sijil akuan memeluk Islam. Mahkamah Syariah akan menimbang permohonan tujuan menentu status agama dalam keadaan berlakunya kekeliruan semasa pendaftaran nama terutama di negeri Sabah dan Sarawak dimana nama mereka seperti nama orang beragama Islam tetapi mereka bukan beragama Islam.

Sekian, terima kasih.